

S : Adakah saya perlu memohon semula sekiranya saya sudah membuat permohonan sebelum ini di JKR Bahagian?

J : Ya, Tuan/Puan dikehendaki memohon semula melalui E-REQUEST FORM dan nombor rujukan bagi permohonan sebelum ini hendaklah dinyatakan di ruang justifikasi yang telah disediakan.

S : Adakah saya perlu memohon bagi pihak Pejabat Residen / Pejabat Daerah dari bahagian lain?

J : Tuan/Puan hanya memohon bagi pihak Pejabat Daerah / Pejabat Daerah Kecil dibawah kuasa seliaan Tuan/Puan sahaja.

S : Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terlupa atau tersilap ketika membuat permohonan peralatan elektrik atau perabot pejabat di dalam E-Request Form?

J : Tuan/Puan hendaklah memaklumkan kepada kami melalui oejkrs@gmail.com sekiranya ada perubahan dan penambahan.

S : Adakah pegawai asset atau *focal person* di pejabat daerah boleh dikategorikan sebagai pegawai penerima?

J : Ya, boleh dan pegawai tersebut bertanggungjawab untuk menerima barangan tersebut ketika proses penghantaran nanti.

SOALAN LAZIM (FAQ)

S : Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pihak kami telah membuat “term of contract” untuk peralatan elektrik pejabat sebelum E-REQUEST FORM ini dilancarkan?

J : Pihak Tuan / Puan hendaklah memaklumkan kepada pihak kami tempoh kontrak tersebut dan menghantar salinan dokumen yang berkaitan untuk rujukan kami.

S : Adakah perabot kuarters termasuk dalam permohonan ini?

J : Tidak. Pihak Tuan/Puan boleh membuat prosedur seperti sedia ada bagi pembelian perabot kuarters.

S : Apakah prosedur yang perlu dilakukan sekiranya peralatan elektrik dan perabot pejabat tidak tersenarai di dalam katalog yang telah diberikan?

J : Pihak Tuan / Puan hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada kami melalui oejkr@gmail.com.

S : Seperti sedia maklum Jabatan Senarai Bersama mempunyai *Sub-Warrant* untuk membeli keperluan perabot pejabat, adakah pihak kami perlu mengemukakan permohonan melalui E-Request Form kerana sebelum ini pihak kami membeli sendiri keperluan perabot pejabat?

J : Tuan/Puan dikehendaki mengemukakan permohonan melalui E-Request Form dan sub-warrant kepada JKR Sarawak (Agesi Pusat) bagi tujuan perolehan. Sebarang pembelian yang tidak melalui JKR Sarawak tidak akan disokong. Garis panduan memohon boleh diperolehi di laman rasmi <https://jkr.sarawak.gov.my>.

SOALAN LAZIM (FAQ)